

09 JUN 1999

Mahathir-pengundi

PENGUNDI MALAYSIA TAK SUKA PERUBAHAN MENDADAK, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 9 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pengundi Malaysia secara amnya bersikap konservatif dan tidak suka perubahan mendadak yang boleh menjejaskan kehidupan mereka.

Oleh itu, katanya, beliau agak yakin Barisan Nasional akan kekal berkuasa pada pilihan raya akan datang.

"Saya agak yakin walaupun saya tidak dapat berkata saya yakin sepenuhnya. Jadi, kebanyakan mereka mungkin mengundi parti memerintah," kata Perdana Menteri dalam satu temu bual hari ini dengan CNBC, rangkaian televisyen berpusat di Singapura.

Dr Mahathir ditanya oleh pengacara rancangan "Asia Tonight" Martin Soong sama ada BN yakin mengekalkan majoriti dua pertiga di Parlimen dalam pilihan raya itu yang perlu diadakan sebelum Jun tahun depan.

Dr Mahathir juga ditanya mengenai Terengganu, Kedah dan Perlis yang mungkin jatuh ke tangan PAS pada pilihan raya kali ini dan sama ada beliau bercadang menukarkan menteri besar negeri-negeri berkenaan.

"Kami tak dapat pastikan siapa yang akan menjadi calon (dalam pilihan raya). Tetapi pada masa ini, kami tidak bercadang menukarkan menteri besar kecualilah jika sesuatu luar biasa berlaku," katanya.

Perdana Menteri mengakui bahawa BN menghadapi masalah di beberapa negeri tetapi ianya dapat diatasi.

Dr Mahathir juga berkata PAS akan memainkan isu Islam dalam pilihan raya nanti untuk memikat pengundi.

"Mereka mungkin dapat mempengaruhi rakyat berdasarkan agama. Tetapi rakyat kita lebih berpelajaran dan kami telah berjaya menjelaskan bahawa mereka ini hanya menggunakan agama," katanya.

Dr Mahathir berkata pemimpin PAS yang cuba mempertahankan beberapa anggota mereka telah menuturkan perkataan yang dilarang oleh Islam dan beliau yakin parti itu tidak sekuat seperti yang ia dakwa.

Beliau juga diminta mengulas kenyataan kontroversi bekas Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat bahawa presiden Keadilan Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail tidak boleh menjadi pemimpin Malaysia kerana beliau berketurunan Cina.

"Saya tidak tahu apa sebenarnya yang dia kata. Tetapi saya berpendapat beliau tidak akan berkata demikian kerana di Malaysia, ada orang berketurunan Cina yang dibesarkan oleh Melayu sebagai orang Melayu. Ia bukan isu besar. Rakyat kini dapat menyesuaikan diri dengan baik kepada soal hubungan kaum," katanya.

Mohamed digugurkan daripada kabinet bulan lepas.

Dr Mahathir juga ditanya mengenai golongan belia dan bagaimana kerajaan akan mendapatkan sokongan mereka.

Sambil mengakui bahawa kerajaan telah mengabaikan mereka, beliau berkata kerajaan kini akan cuba mendekati golongan ini.

"Kami telah abaikan mereka, itu saya akui. Kami tidak pergi ke universiti dan mengganggu mereka kerana mereka hendak belajar. Tetapi pihak pembangkang menghabiskan masa di universiti, malah tidur di universiti untuk mendapatkan sokongan belia.

"Belia pula merasakan kami mengabaikan mereka. Sebenarnya, kami mengambil berat pelajaran mereka. Tetapi kini, kami perlu berkomunikasi dengan mereka.

"Apabila mereka tahu mengenai hakikat sebenar, saya rasa mereka akan menukar pendirian terhadap kami," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA
RV MAI